



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran
Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (5)

Tarikh : 2 Februari 2021

SIARAN MEDIA

MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2021 YB MENTERI KPKT

PUTRAJAYA, 2 FEBRUARI 2021 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini telah menganjurkan Majlis Amanat Tahun Baharu 2021 yang disampaikan oleh YB Menteri Datuk Hajah Zuraida binti Kamaruddin, bertemakan '**Tahun Pelaksanaan - Cepat dan Responsif**' yang diadakan secara maya. Majlis juga turut dihadiri oleh YB Timbalan Menteri Datuk Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Ketua Setiausaha KPKT YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, Yang Dipertua-Yang Dipertua Ahli Majlis, Pengurusan Tertinggi serta warga KPKT termasuk Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti.

KPKT telah berjaya dalam memperkasa komuniti melalui dasar-dasar yang telah digubal seperti Dasar Perumahan Negara, Dasar Perbandaran Negara Kedua, Dasar Rumah Mampu Milik Negara, Dasar Komuniti Negara, Dasar Kebersihan Negara dan *Smart City Framework*. Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara telah diluluskan oleh Kabinet dan akan dilancarkan tidak lama lagi.

Pencapaian utama KPKT sepanjang tahun 2020 adalah dalam memperkasa sektor pembinaan projek-projek Program Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM), PR1MA dan Rumah Mesra Rakyat (RMR) dan baik pulih rumah golongan B40. KPKT juga telah melaksanakan inisiatif pengecualian pembayaran sewa kepada penghuni PPR di bawah pengurusan KPKT, kelonggaran pembayaran menerusi Skim Pinjaman Perumahan (SPP) dan penangguhan pembayaran sewa bagi skim *Rent-To-Own* (RTO) yang memberi manfaat kepada penyewa.

Pengurusan sisa pepejal melalui SwCorp dan JPSPN telah berjaya mencapai sasaran kadar kitar semula sebanyak **30.6%** berbanding sasaran **30.0%** pada tahun 2020. Pelaksanaan Kempen 3 Tong di bawah Dasar Kebersihan Negara telah banyak menyumbang dalam kejayaan ini.

Peranan kerajaan tempatan melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara membawa impak tinggi melibatkan **22 projek** berskala besar dan **3,674 projek** berskala kecil. Sebanyak **2,096 projek** juga telah dilaksanakan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi bagi membantu rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.



KPKT di bawah *Taskforce* Ops Sanitasi Awam / Nyah Cemar COVID-19 melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah menjalankan sebanyak **13,634 operasi** sanitasi merangkumi **145 zon**. JBPM turut membantu menyediakan pengangkutan untuk membawa *Person Under Investigation* (PUI), *Person Under Surveillance* (PUS) dan pesakit positif COVID-19 ke pusat kuarantin.

Pada tahun 2020, Program Kebun Komuniti telah mula dipergiatkan melalui Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK). Secara keseluruhannya seramai **304 peserta** dari **14 PPR** telah terlibat dalam program ini. PSMK dengan kerjasama SWCorp juga telah menjayakan aktiviti *Zero Waste Community Initiative (ZeComm)* di PPR. Jumlah keseluruhan bahan buangan yang terkumpul ialah **70,871 kg** dari **16 PPR** yang terpilih.

Dasar Kebun Komuniti akan dilancarkan pada tahun ini sebagai usaha untuk meningkatkan pendapatan penduduk setempat melalui aktiviti pertanian khususnya di kawasan PPR. Selain itu, KPKT juga sedang menyediakan Dasar Pemerksaan PBT (DPBT) sebagai rujukan dan panduan untuk memantapkan lagi peranan dan persediaan PBT dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Pada tahun ini, KPKT telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak **RM5.36 bilion** iaitu tambahan sebanyak **RM395.3 juta (7.9%)** berbanding tahun 2020. Ini merupakan peruntukan terbesar KPKT berbanding tahun-tahun sebelum yang merangkumi Peruntukan Mengurus sebanyak **RM3.230 bilion** dan Peruntukan Pembangunan sebanyak **RM2.138 bilion**.

Fokus KPKT bermula tahun ini adalah mempersiapkan dan memacu inisiatif-inisiatif yang boleh menjayakan *Circular Economy* (CE) sepenuhnya. KPKT sebagai teraju CE harus memastikan ekosistem CE perlu digerakkan melibatkan usaha-usaha dari Kementerian-Kementerian, Kerajaan Negeri, PBT, sektor swasta, sektor industri, NGO serta orang awam.

Pada masa yang sama, inisiatif *smart city* atau bandar pintar merupakan satu pendekatan terbaik dalam pengurusan bandar untuk generasi hari ini yang dapat memberikan penyelesaian untuk menangani isu-isu yang dihadapi khususnya berkaitan perbandaran. Melihat ke hadapan, KPKT sebagai peneraju *smart city* akan mengutamakan pendigitalan perkhidmatan untuk manfaat rakyat.

Tahun Baharu 2021 adalah sebagai **Tahun Pelaksanaan** dengan budaya amalan kerja yang memfokuskan untuk menyediakan perkhidmatan dan menghulurkan bantuan kepada rakyat. Selamat Tahun Baharu 2021 daripada YB Menteri dan seluruh warga KPKT.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

